

**PERBANDINGAN PENGGUNAAN DAN PENGUASAAN  
BAHASA INGGERIS DI KALANGAN PELAJAR  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM  
DAN SWASTA DI KUCHING**

**OLEH**

<b>HAZARINA BT. PEN</b>	<b>98440891</b>
<b>JOSEPHINE AK JELE</b>	<b>98440932</b>
<b>LENNY MARLINA BT. ZAINI</b>	<b>98441006</b>
<b>NOR HIDAYAH BT. ISMAIL</b>	<b>98441052</b>
<b>RODNEY AK JAYIS</b>	<b>98441118</b>

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan  
Undang-undang Universiti Teknologi MARA Kampus Sarawak  
bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma  
Pentadbiran Awam**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

**SEPTEMBER 2001**

## **DAFTAR KANDUNGAN**

Surat Penyerahan Kertas Projek	i
Penghargaan	v
Abstrak	vii
Daftar Istilah Kajian	ix
Daftar Jadual	x
Rangka Kajian	xi

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	7
(a) Objektif Umum	
(b) Objektif Khusus	
1.4 Skop Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	12

### **BAB 2 ULASAN KARYA**

2.1 Pengenalan	14
2.2 Intipati	14
2.3 Hipotesis	20

## **SURAT PENYERAHAN KERTAS PROJEK**

Diploma Pentadbiran Awam,  
Fakulti Pentadbiran & Undang-undang,  
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan,  
Jalan Meranek,  
94300 Kota Samarahan.

September 2001

Encik Nicholas Amin,  
Pensyarah Diploma Pentadbiran Awam,  
Fakulti Pentadbiran & Undang-undang,  
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan,  
94300 Kota Samarahan.

Puan,

### **Penyerahan Kertas Projek**


Dengan sukacitanya kami menyerahkan kertas projek kami yang bertajuk 'Perbandingan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Kuching' kepada pihak puan untuk membuat penilaian dan komen seperti mana yang dikehendaki bagi memenuhi syarat kajian Pentadbiran dan Undang-undang.

Kami telah berusaha sedaya upaya untuk mencari maklumat terkini dan membuat pelbagai kajian bagi menjayakan laporan ini. Diharap segala maklumat dan laporan ini akan memberi panduan dan pengetahuan kepada mereka yang memerlukannya.

Kami amat berharap sekiranya kertas projek ini akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak puan. Segala pertimbangan dari pihak puan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(NOR HIDAYAH BT. ISMAIL)

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tentang perbandingan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta. Ia memberi penekanan kepada jantina, umur, tahap pendidikan, tahap penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di IPTA dan IPTS, institusi pengajian, bahasa pertuturan, taraf pendidikan ibu-bapa, dan hubung kait peperiksaan awam. Kawasan kajian ini meliputi beberapa buah institusi pengajian awam dan swasta yang terdapat di sekitar bandaraya Kuching dan Samarahan, Sarawak. Seramai 150 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak sistematik. Data dikumpul menggunakan teknik temu bual , pemerhatian, soal selidik dan persampelan. Hasil daripada kajian mendapati bangsa mempengaruhi tahap penguasaan melalui perbandingan antara pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera. Manakala, taraf pendidikan sebelum memasuki IPT samada SPM, STPM, sijil atau Diploma merujuk kepada kemampuan pelajar-pelajar dalam menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris. Terdapat perbezaan polisi dalam penekanan terhadap penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di IPT masing-masing sepertimana Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sesi pembelajaran dan pengajarannya iaitu sesi kuliah, kerja kursus serta dalam sebarang ujian yang dilaksanakan. Hal ini berbeza dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang memberi pilihan kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian kami banyak berkisar kepada cadangan-cadangan dan idea-idea baru daripada kalangan responden bagi

## RANGKA KAJIAN

Untuk menghasilkan satu kertas kerja yang sempurna dan memenuhi keperluan yang penting, kami telah menyediakan rangka kajian ini bagi memudahkan pembahagian tajuk. Buku kertas kerja kami mengandungi tujuh bab utama kesemuanya.

Bab 1 atau dikenali dengan bab pendahuluan, cuba menerangkan dan memperkenalkan kepada pembaca mengenai kajian yang kami jalankan. Ini bagi mengelakkan pembaca keliru atau kurang faham dengan kajian ini. Selain itu, dalam bab ini kami juga ada menerangkan objektif dan kaedah-kaedah yang kami gunakan dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Manakala Bab 2 atau latar belakang kajian di mana dalam bab ini kami menceritakan tentang sejarah permulaan berkenaan kajian yang kami lakukan. Selain itu, perbincangan tentang tajuk kajian terutamanya mengenai peranan-peranan utama yang ada. Huraian mengenai skop kajian penyelidik dengan melihat lebih luas tentang reaksi sejauh mana punca-punca masalah yang dikaji.

Metodologi kajian boleh didapati dalam Bab 3. Ia lebih membincangkan cara-cara penyelidikan seperti di perpustakaan bagi memeriksa segala teori dan bahan penyelidikan yang ada dalam bidang ini. Bab ini penting bagi memudahkan untuk mendapatkan latar belakang kajian serta membantu pelajar dalam membuat hipotesis seperti mengelakkan daripada duplikasi terhadap sesuatu penyelidikan.